



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2011**

---

**KELAYAKAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA  
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bagi maksud pelantikan ke perkhidmatan awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan melalui Bajet 2010 dan Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK-10) memberi penekanan terhadap usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah transformasi pendidikan vokasional dan teknik serta Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 dipertanggungjawab untuk melahirkan lulusan aliran kemahiran bagi keperluan industri khususnya. Namun begitu, sebagai mendokong inisiatif melahirkan lulusan aliran kemahiran tersebut, perkhidmatan awam turut bertanggungjawab untuk memastikan nilai pasaran mereka diiktiraf dengan membolehkan pelantikan ke jawatan-jawatan bersesuaian dalam perkhidmatan awam.

## DASAR BARU

3. Kerajaan mengambil maklum akan kepelbagaian kelayakan serta bidang SKM yang ditawarkan oleh institusi latihan awam dan swasta yang mana objektif utama adalah bagi keperluan pasaran industri. Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam pula, **peruntukan kelayakan SKM ini adalah berdasarkan kepada bidang-bidang yang dipersetujui pihak ketua-ketua perkhidmatan yang berkenaan mengambil kira kesesuaian kelayakan tersebut dalam melaksanakan skop fungsi bidang tugas yang diperlukan oleh perkhidmatan berkaitan.**

4. Pada masa ini kelayakan SKM Tahap 2 telah diperuntukkan sebagai salah satu syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pengajar Kraf, Pembantu Pegawai Latihan Vokasional, Tukang Masak, Penyelia Jurupakaian, Tukang K1, Tukang K2 dan Tukang K3. Sebagai memperluaskan pasaran lulusan aliran kemahiran dalam perkhidmatan awam, Kerajaan bersetuju supaya kelayakan SKM Tahap 3 turut diperuntukkan sebagai salah satu syarat lantikan ke skim-skim perkhidmatan yang telah dikenal pasti bersesuaian. Senarai skim perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Pemeriksa Kereta Motor Gred A17;
- (b) Ahli Muzik Gred B17;
- (c) Ahli Fotografi Gred B17;
- (d) Jurusolek Gred B17;
- (e) Pengajar Kraf Gred E17;
- (f) Pembantu Pegawai Latihan Gred E17;
- (g) Juruteknik Komputer Gred FT17;
- (h) Pembantu Perikanan Gred G17;
- (i) Penyelia Rancangan Tanah Gred G17;
- (j) Pelukis Pelan Gred J17;
- (k) Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred J17;
- (l) Penyelia Jurupakaian Gred N17; dan
- (m) Juruaudio Visual Gred N17.

Butir terperinci mengenai syarat lantikan serta bidang pengkhususan SKM bagi 13 skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran A dan A1**. Lain-lain perbekalan serta syarat yang terdapat dalam skim-skim perkhidmatan ini adalah kekal sebagaimana berkuat kuasa.

5. Peruntukan kelayakan SKM dalam skim-skim perkhidmatan di atas adalah bagi maksud lantikan di kalangan calon baru atau pelantikan pegawai sedang berkhidmat secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.

## **PELAKSANAAN**

### **Pelantikan**

6. Semua pelantikan ke skim perkhidmatan yang di nyatakan di perenggan 4 hendaklah menggunakan syarat lantikan baru yang ditetapkan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

### **Pelarasan Gaji Bagi Pegawai Sedang Berkhidmat**

7. Bagi pegawai sedang berkhidmat yang memiliki kelayakan SKM di dalam bidang khusus yang dinyatakan sebagai syarat lantikan baru dalam skim perkhidmatannya dan gajinya belum mencapai matagaji permulaan baru pada 1 Januari 2011, maka pelarasan gaji hendaklah diberi ke matagaji permulaan baru pada tarikh kuat kuasa berkenaan. Pelarasan gaji ini hanya diberi kepada pegawai yang belum mencapai matagaji permulaan baru pada 1 Januari 2011.

8. Walaubagaimanapun, bagi pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji Tahunannya pada 1 Januari 2011, mereka hendaklah diberi pelarasan gaji terlebih dahulu ke matagaji permulaan baru mengikut pekeliling perkhidmatan ini. Seterusnya pegawai akan diberi Pergerakan Gaji Tahunannya mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia. Contoh kaedah pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru bagi

pegawai sedang berkhidmat dalam skim-skim perkhidmatan berkaitan adalah seperti di **Lampiran B.**

#### **Tarikh Pergerakan Gaji**

9. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini kekal mengikut TPG asal.


#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2011.**

#### **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**11** Januari 2011

Semua Suruhajaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**

**PERUNTUKAN KELAYAKAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA  
DALAM SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG BERSESUAIAN**

<b>BIL</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>SYARAT LANTIKAN</b>
1.	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai mekanik semua jenis kereta motor di jabatan-jabatan kerajaan atau firma-firma motor ternama.</p> <p style="padding-left: 40px;">(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Mekanik atau Pemasang Sistem Gas Asli Kenderaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pemeriksa Kereta Motor adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p style="padding-left: 40px;">(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T2); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Mekanik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pemeriksa Kereta Motor adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p style="padding-left: 40px;">(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T3); atau</p> <p>(iv) sijil dalam bidang kejuruteraan jentera daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p style="padding-left: 40px;">(Gaji permulaan ialah pada Gred A17:P1T9); dan</p> <p>(v) mempunyai Lesen Memandu Kelas B dan D yang sah dan bersih serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki kedua-dua lesen tersebut selama tidak kurang daripada 1 tahun.</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
2.	Ahli Muzik Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) KELAYAKAN LANTIKAN GRED B17, B21, B25, B27, B31, B37</p> <p>(i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional. (Gaji permulaan minimum bagi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B17 ialah pada P1T9;</li> <li>• Gred B21 ialah pada P1T5;</li> <li>• Gred B27 ialah pada P1T4); atau</li> </ul> <p>(ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang seni muzik (<i>Contemporary Musician</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional. (Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T10); atau</p> <p>(iii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang seni muzik (<i>Senior Contemporary Musician</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional. (Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T11); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang seni muzik (<i>Contemporary Musician</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional. (Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T11); atau</p> <p>(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang seni muzik (<i>Senior Contemporary Musician</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/ atau lebih alat muzik moden atau tradisional. (Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T12).</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
3.	Ahli Fotografi Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.</p> <p>(Gaji permulaan minimum bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gred B17 ialah pada P1T1;</li> <li>• Gred B21 ialah pada P1T4;</li> <li>• Gred B27 ialah pada P1T5;</li> <li>• Gred B31 ialah pada P1T4); atau</li> </ul> <p>(d) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (<i>Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T2); atau</p> <p>(e) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (<i>Senior Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T3); atau</p> <p>(f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (<i>Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T3); atau</p> <p>(g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (<i>Senior Photographer</i>) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T4).</p>



BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
4.	Jurusolek Gred B11, B17/18, B21/22, B25/26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek.</p> <p>(Gaji permulaan minimum bagi Gred B25 ialah pada P1T4); atau</p> <p>(d) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Jurusolek adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T2); atau</p> <p>(e) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Jurusolek adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T3); atau</p> <p>(f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Jurusolek adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T3); atau</p> <p>(g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Jurusolek adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:P1T4).</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
5.	Pengajar Kraf Gred E11, E17/18, E22	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p><u>LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENGAJAR KRAF GRED E11:</u></p> <p>(c) (i) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan serta berpengalaman dalam bidang kraftangan selama 3 tahun dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E11:P1T1);</p> <p><u>LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENGAJAR KRAF GRED E17:</u></p> <p>(d) (i) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta 6 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan; atau</p> <p>(ii) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan dan berpengalaman dalam bidang kraftangan selama 9 tahun dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T1); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang seni kraf atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pengajar Kraf adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>) dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T2).</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
		<p>(v) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang seni kraf atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pengajar Kraf adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>) dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T3).</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
6.	Pembantu Pegawai Latihan Gred E17, E22, E26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian dalam subjek Perdagangan pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia dalam perakaunan peringkat tertinggi.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T5); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang-bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Pegawai Latihan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T5); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang-bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Pegawai Latihan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred E17:P1T6);</p> <p>dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
7.	Juruteknik Komputer Gred FT17, FT22, FT26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Juruteknik Komputer adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T2); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Juruteknik Komputer adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17:P1T3); atau</p> <p>(iv) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T6); atau</p> <p>(v) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred FT17: P1T9);</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
8.	Pembantu Perikanan Gred G17, G22, G26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia; dan</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Perikanan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T2); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Perikanan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T3);</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
9.	Penyelia Rancangan Tanah Gred G17, G22, G26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia; dan</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Penyelia Rancangan Tanah adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T2); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Penyelia Rancangan Tanah adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T3);</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
10.	Pelukis Pelan Gred J17, J22, J26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Seni Lukis atau Lukisan Geometri pada peringkat peperiksaan tersebut.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pelukis Pelan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T2); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pelukis Pelan adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T3);</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>



BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
11.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional Gred J17, J21/22, J29/30, J35/36, J37/38, J41/42, J43/44, J47/48, J51/52, J54	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p><u>KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J17</u></p> <p>(c) (i) sijil dalam bidang berkaitan daripada politeknik-politeknik tempatan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T9); atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang-bidang yang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Pegawai Latihan Vokasional adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T7); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang-bidang yang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Pegawai Latihan Vokasional adalah seperti di <b>Lampiran A1</b>).</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T8); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Peperiksaan Kemahiran Jabatan yang diiktiraf oleh kerajaan bagi ketukangan yang tiada piawaian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T7); atau</p> <p>(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman dan kebolehan bekerja dalam perusahaan bagi ketukangan yang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred J17: P1T7);</p> <p>dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
12.	Penyelia Jurupakaian Gred N17, N20, N22	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia pada peringkat peperiksaan tersebut, mempunyai pengalaman dan kebolehan yang terkemuka mutunya dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T1) ; atau</p> <p>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia pada peringkat peperiksaan tersebut, mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T1); atau</p> <p>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang jahitan dan pembuatan pakaian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T2); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang jahitan dan pembuatan pakaian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T3)</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT LANTIKAN
13.	Juruaudio Visual Gred N17, N22, N26	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T1);</p> <p>(ii) memiliki lesen memandu kelas D;</p> <p>(iii) berpengalaman mengendalikan peralatan yang berkait rapat dengan alat-alat elektronik siaran serta berkebolehan memasang, menyelenggara dan membaiki kerosakan kecil.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T2); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang perekabentuk multimedia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta memiliki lesen memandu kelas D.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T2); atau</p> <p>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang perekabentuk multimedia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta memiliki lesen memandu kelas D.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T3)</p> <p>dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>

LAMPIRAN A1

SENARAI BIDANG YANG PALING SESUAI UNTUK PELANTIKAN  
KE SKIM-SKIM PERKHIDMATAN YANG BERSESUAIAN  
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		TAHAP
1.	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26	Mekanik	P-115-2	Mekanik Kenderaan Motor	2
			P-115-3	Juruteknik Kenderaan Motor	3
			P-020-2	Mekanik Kelengkapan Tolak Tanah	2
			P-020-3	Juruteknik Kelengkapan Tolak Tanah	3
			P-030-2	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
			P-030-3	Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
		Pemasang Sistem Gas Asli Kenderaan	P-116-2	Pemasang Sistem Gas Asli Kenderaan	2
2.	Ahli Muzik Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52, B53/54	Seni Muzik	AM-010-2	<i>Contemporary Musician</i>	2
			AM-010-3	<i>Senior Contemporary Musician</i>	3
3.	Ahli Fotografi Gred B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38	Fotografi	PH-010-2	<i>Photographer</i>	2
			PH-010-3	<i>Senior Photographer</i>	3
4.	Jurusolek Gred B11, B17/18, B21/22, B25/26	Juruestetik	N-011-2	Juruestetik	2
			N-011-3	Juruterapi Estetik	3
		Pendandan Rambut	N-022-2	Pendandan Rambut	2
			N-022-3	Pendandan Rambut Kanan	3
5.	Pengajar Kraf Gred E11, E17/18, E22	<i>Pewter Pattern and Mould Maker</i>	SS-070-2	<i>Pewter Pattern and Mould Maker</i>	2
			SS-070-3	<i>Pewter Designer</i>	3
		Jurutenun	S-010-2 / SS-142-2	Jurutenun Kanan - Kraf Songket & Daster / <i>Senior Weaver Songket &amp; Daster</i>	2
			SS-142-3	<i>Senior Weaver Songket &amp; Daster</i>	3
